

SUASANA ALAM KUBUR YANG
MENAKUTKAN BAGI
MEREKA YANG MEMBUAT DOSA DI BULAN

RAMADAN



SUASANA ALAM KUBUR YANG MENAKUTKAN BAGI MEREKA YANG MEMBUAT DOSA DI BULAN RAMADAN

Daripada: Shaykh-e-Tareeqat, Ameer-e-Ahl-e-Sunnat, pengasas Dawat-e-Islami, 'Allamah Maulana Abu Bilal Muhammad Ilyas Attar Qadiri Razavi دامت بركاتهم العالیه



Pada suatu ketika Ameer-ul-Mu'mineen, Sayyiduna 'Ali كَرَّمَ اللَّهُ تَعَالَى وَجْهَهُ الْكَرِيمُ pergi ke satu tanah perkuburan di Kufa untuk melawati kubur. Melihat satu kubur yang baru disediakan, beliau رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ berminat untuk mengetahui keadaan di dalamnya, maka beliau رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ memohon kepada Allah عَزَّوَجَلَّ, 'Ya Allah عَزَّوَجَلَّ perlihatkan kepada aku keadaan si mati yang ditanam di dalam kubur ini.' Permintaan beliau telah didengari ketika itu juga. Dengan serta merta, kesemua hijab antara beliau dan si mati dibuka. Apa yang beliau nampak adalah satu keadaan yang amat menakutkan; si mati sedang dibakar di dalam api dan menangis meminta tolong kepada Sayyiduna 'Ali كَرَّمَ اللَّهُ تَعَالَى وَجْهَهُ الْكَرِيمُ:

يَا عَلِيُّ! أَنَا غَرِيقٌ فِي النَّارِ وَحَرِيقٌ فِي النَّارِ

Ya 'Ali (كَرَّمَ اللَّهُ تَعَالَى وَجْهَهُ الْكَرِيمُ)! Aku sedang lemas di dalam api dan aku sedang terbakar di dalam api.

Keadaan yang teruk di dalam kubur dan jeritan si mati menyedihkan Sayyiduna 'Ali كَرَّمَ اللَّهُ تَعَالَى وَجْهَهُ الْكَرِيمُ. Beliau رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ mengangkat tangan kehadiran Allah عَزَّوَجَلَّ yang Maha Pengasih dan mula berdoa dengan penuh rendah hati supaya diampunkan si mati tersebut. Satu suara dari Ghayb bergema, 'Oh 'Ali (كَرَّمَ اللَّهُ تَعَالَى وَجْهَهُ الْكَRِيمُ)! Janganlah kamu menjadi perantara kepada si mati kerana dia telah tidak menghormati Ramadan meskipun dia berpuasa, dia tidak berhenti daripada melakukan dosa walaupun di bulan Ramadan, dia berpuasa di siang hari tetapi berbuat dosa pada malamnya.' Mendengarkan suara tersebut, Sayyiduna 'Ali كَرَّمَ اللَّهُ تَعَالَى وَجْهَهُ الْكَRِيمُ menjadi lebih sedih; beliau رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ sujud dan mula menangis. (Dengan air mata bergenang di matanya) beliau berkata, 'Ya Allah عَزَّوَجَلَّ! Tolong terima rayuanku ini, lelaki ini telah meminta pertolongan dari aku dengan harapan yang tinggi, Oh Pencipta عَزَّوَجَلَّ janganlah menghampakan aku di hadapan dia, tunjukkanlah belas kasihanMu kepada dia dan maafkanlah lelaki yang tidak berdaya ini.' Sayyiduna 'Ali كَرَّمَ اللَّهُ تَعَالَى وَجْهَهُ الْكَRِيمُ meneruskan doa kehadiran Allah عَزَّوَجَلَّ. Beliau kemudian mendengar satu suara berkata, 'Oh 'Ali (كَرَّمَ اللَّهُ تَعَالَى وَجْهَهُ الْكَRِيمُ)! Kami telah mengampunkan dia demi kerana hatimu yang berduka.' Lelaki tersebut kemudiannya dilepaskan dari azab kubur. (*Anees-ul-Wa'izeen, pp. 25*)

Kyun na Mushkil-Kusha kahoon tum ko

Tum nay bigri mayri banayi hay

Pada mereka yang melaksanakan puasa di dalam bulan Ramadan yang diberkati dan masih tidak menghindari dari melakukan dosa seperti: Bermain kad, catur, Ludo (*board games*), permainan mobil, iPad, permainan video *hopper*, menonton filem dan drama, mendengar musik, tidak menghadiri Solat berjemaah tanpa sebab Shar'i sekalipun meninggalkan Salah مَعَاذَ اللَّهِ عَزَّوَجَلَّ, berbohong, mengumpat, memberi khabaran palsu, bersangka buruk, pecah amanah, mengutuk, menyakiti saudara Muslim tanpa sebab Shar'i, meminta sedekah tanpa syarat-syarat Shar'i,

menderhaka kepada kedua ibu bapa, mengambil bunga dan rasuah, dan menipu orang lain di dalam perniagaan dan sebagainya. Hikayat yang disebut di atas adalah penuh dengan teguran dan amaran kepada mereka. Orang-orang yang tidak menghindari daripada melakukan dosa di dalam bulan Ramadan, baca dua Hadith berikutnya dan takutlah akan kemurkaan Allah عَزَّوَجَلَّ.

1. Jika sesiapa melakukan dosa di dalam bulan Ramadan, Allah عَزَّوَجَلَّ akan menghapuskan setahun amalan-amalan baiknya. (*Al-Mu'jam-ul-Awsat, vol. 2, pp. 414, Hadith 3688*)
2. Nabi yang penuh Rahmat, Perantara Ummah صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ memberi amaran: Umatku tidak akan diaibkan selagi mereka memenuhi hak bulan Ramadan. Baginda صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ telah ditanya apa yang dimaksudkan dengan aib Ummah di dalam perkara ini, Baginda صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ menjawab, 'Melakukan perbuatan Haram (ditegah) di dalam bulan ini.' Baginda صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ menyatakan lagi, 'Jika sesiapa berzina atau meminum alkohol di dalam bulan ini, Allah عَزَّوَجَلَّ dan kesemua malaikatNya melaknat orang tersebut, dan jika dia meninggal sebelum Ramadan berikutnya dia tidak akan mendapat walau satu kebaikan untuk menyelamatkan dirinya daripada api Neraka. Maka takutilah (Allah عَزَّوَجَلَّ) berkenaan Ramadan. Ganjaran kepada perbuatan yang baik akan ditambah di dalam bulan ini berbanding dengan bulan-bulan yang lain, begitu juga dengan dosadanya.' (*Al-Mu'jam-us-Sagheer, vol. 1, pp. 248*)

Saudara Islamku! Ketarlah kamu dalam ketakutan terhadap Allah عَزَّوَجَلَّ dan hindari diri kamu dari tidak menghormati bulan Ramadan yang diberkati; janganlah kamu kecewa dengan belas kasihan Allah عَزَّوَجَلَّ; pintu belas kasihan Allah عَزَّوَجَلَّ dibuka, bertaubatlah dengan penuh keikhlasan dan cegahlah daripada melakukan dosa dan juga jadikan rutin untuk menghadiri Madani Qaflah (ceramah-ceramah) bersama-sama para pengikut Rasul untuk mempelajari Sunnah Nabi صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ yang dikasihi dan diberkati.

Muhammad Ilyas Attar Qadiri

20 Sha'ban-ul-Mu'azzam, 1436 AH (Jun 8, 2015)



Nota: Sila baca buku 'Keberkatan Ramadan' oleh Shaykh-e-Tareeqat, Ameer-e-Ahl-e-Sunnat, pengasas Dawat-e-Islami, Hazrat 'Allamah Maulana Abu Bilal Muhammad Ilyas Attar Qadiri Razavi دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَةِ. Buku ini mengandungi ratusan keberkatan dan peraturan berkenaan puasa melalui cara yang mudah dan senang difahami. Pamphlet ini, Keberkatan Ramadan dan VCD / DVD berkenaan ucapan-ucapan oleh Ameer-e-Ahl-e-Sunnat دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَةِ yang diilhamkan dari Sunnah boleh dibeli dari setiap gerai Maktaba-tul-Madinah.